



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a) DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan  
yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

### **PENGARAH DASAR DAN PERANCANGAN (SUPERSCALE C) JABATAN DASAR DAN PERANCANGAN KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta  
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PENGARAH DASAR DAN PERANCANGAN  
JABATAN DASAR DAN PERANCANGAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
SUPERSCALE C (\$6,800 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Dasar Awam / Sains / Sosial Sains / Pengurusan / Perancangan Perubatan dan Kesihatan atau bidang bersesuaian.
2. i) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.  
**ATAU**  
ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 10 tahun.
3. Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus Program Pembangunan Eksekutif di institusi-institusi tempatan ataupun luar negara atau kursus sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab bagi pengurusan dan pentadbiran keseluruhan Jabatan Dasar dan Perancangan;
2. Menyelaras dan memantau pelaksanaan strategi Kesihatan di peringkat Kementerian dan dalam Jabatan Dasar dan Perancangan;



3. Memastikan penerbitan maklumat-maklumat kesihatan secara tahunan seperti Fokus Kesihatan (*Health Information Booklet & Facts*), Teks Ucapan Menteri Kesihatan dan lain-lain;
4. Melaksanakan dan memudahcara bagi program Penyelidikan Sistem dan Dasar Kesihatan serta penelitian semula dan pembentukan baru dasar kesihatan;
5. Menyelaras bagi urusan hal ehwal antarabangsa dalam bidang kesihatan seperti penubuhan dan pelaksanaan Memorandum Persefahaman dan Perjanjian dengan negara-negara atau institusi-institusi tertentu;
6. Mengatur dan menyelaras bagi pelaksanaan program-program atau aktiviti-aktiviti peningkatan kualiti dan penjagaan kesihatan di Kementerian Kesihatan;
7. Memastikan Pengurusan Hal Ehwal Perhubungan Awam yang efisien seperti aktiviti media / komunikasi, aduan-aduan dan penyebaran maklumat/mesej kesihatan;
8. Memastikan pengurusan hal ehwal perundangan kesihatan dan dasar kesihatan supaya teratur;
9. Membuat perancangan perkembangan Jabatan termasuk mengenai pembangunan kapasiti Pegawai dan Kakitangan; dan
10. Menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab sebagaimana arahan Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Mulia Setiausaha Tetap dari semasa ke semasa jika diperlukan.